

Dr. M belum terima laporan lengkap kes dakwaan Fauzi

UM 29 JUL 2001

SHAH ALAM 28 Julai — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau belum menerima laporan lengkap mengenai siasatan berhubung dakwaan kes rasuah oleh Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Katanya, setakat ini, beliau hanya menerima laporan mengenai dakwaan tersebut tetapi laporan akhir mengenainya masih belum diterima.

Beliau berkata, kelewatan itu disebabkan Lembaga Disiplin UMNO sebelum ini sibuk menyiasat dakwaan membabitkan politik wang di kalangan ahli parti.

Menurut Dr. Mahathir, kini tugas itu telah selesai dan siasatan berhubung dakwaan Fauzi itu boleh disambung semula.

“Sebarang keputusan mengenainya akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi (MT),” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja di Institut Standard dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM) Berhad di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ke-

tika menjawab soalan pemberita mengenai hasil susulan kepada laporan dan dakwaan politik wang di bahagian Kuantan yang ditimbulkan oleh Fauzi pada 29 Mac lalu.

Sebelum ini, Fauzi memberitahu, laporan dan dakwaannya itu masih belum dibentangkan oleh jawatankuasa parti.

Lembaga Disiplin itu pada 5 Mei lalu mengumumkan bahawa pihaknya telah menerima laporan hasil siasatan itu daripada jawatankuasa khas yang diketuai oleh Peguam UMNO, Tan Sri Zaki Tun Azmi.

Bagaimanapun, menurut pengerusinya, Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen Tengku Ismail, cuma MT sahaja boleh membuat keputusan ke atas kes itu kerana jawatankuasa khas itu ditubuhkan oleh MT.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, sekiranya dakwaan Fauzi itu benar, keputusan mengenai masa depah Fauzi akan ditentukan sepenuhnya melalui mesyuarat MT.